

01 AUG 2003

Chua-Elaun

PETUGAS KESIHATAN TERIMA ELAUN KHAS SARS DUA MINGGU LAGI

KEPALA BATAS, 1 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 9,368 kakitangan kesihatan yang terlibat dalam kerja-kerja membendung merebaknya Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) di negara ini dijangka menerima elaun khas dalam tempoh dua minggu lagi.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng hari ini berkata, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.5 juta untuk tujuan itu dan anggota profesional akan menerima bayaran sebanyak RM1,000 sebulan, manakala anggota sokongan RM500 sebulan untuk tempoh 16 Mac hingga 30 Jun, tahun ini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai Hospital Kepala Batas daripada Pengarahnya, Dr Mohamad Sabri Othman di sini, beliau berkata, elaun khas ini akan dikira mengikut bilangan hari sebenar anggota berkenaan bertugas dalam aktiviti rawatan, kawalan dan pencegahan SARS.

Katanya, surat pekeliling mengenai persetujuan kerajaan memberi elaun atau bayaran khas itu telahpun diedarkan kepada semua hospital yang dikhususkan untuk SARS dan menjangka bayaran dibuat dalam masa dua minggu ini.

Menurutnya, elaun itu bukan sahaja dibayar kepada kakitangan kesihatan yang terlibat secara langsung dengan rawatan, malahan diperluaskan kepada anggota sokongan yang terlibat dalam kegiatan kawalan dan pencegahan di lapangan.

"Mereka juga terdedah kepada risiko jangkitan SARS dan peranan mereka juga penting dalam membenteng wabak ini. Elaun khas ini merupakan tanda terima kasih kerajaan, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kakitangan berkenaan yang telah bertugas dengan penuh dedikasi tanpa menghiraukan risiko jangkitan penyakit itu," katanya.

Chua berkata, daripada 9,368 orang itu, 5,619 merupakan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam rawatan SARS di hospital-hospital kerajaan manakala 3,749 orang lagi terdiri daripada mereka yang bertugas menjalankan saringan terhadap orang awam di pintu-pintu masuk negara seperti di lapangan terbang dan pelabuhan.

Katanya, daripada jumlah 9,368 itu, 1,257 orang merupakan anggota profesional, manakala 8,111 adalah anggota sokongan.

Sebelum ini Perdana Menteri telah mengumumkan di dalam Pakej Strategi Baru Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi pada Mei lalu bahawa semua anggota perubatan dan kesihatan yang terlibat secara langsung dalam rawatan penyakit SARS di hospital kerajaan akan diberi elaun khas sebanyak RM400 sebulan bagi pegawai perubatan dan RM200 sebulan bagi anggota perubatan yang lain berkuatkuasa mulai 1 April sehingga berakhirnya wabak SARS, katanya.

Bagaimanapun, Chua telah memohon kepada kabinet supaya jumlah bayaran itu dinaikkan dan diperluaskan kepada anggota kesihatan yang terlibat dalam aktiviti kawalan dan pencegahan.

Dalam perkembangan lain, Chua memberi amaran kepada para doktor dan kakitangan hospital di negara ini supaya menghormati peranan anggota Lembaga Pelawat Hospital kerana mereka merupakan "jambatan" yang menghubungkan rakyat dengan hospital.

Katanya, institusi itu (Lembaga Pelawat Hospital) telah diwujudkan sejak 1946 lagi dan ia diluluskan oleh kerajaan dan masih digunapakai sehingga sekarang.

Katanya, Lembaga Pelawat ini akan membantu hospital untuk meningkatkan

imej dan memperbaiki perkhidmatan kepada rakyat dan sekiranya mereka tidak dihormati, maka tindakan perlu diambil terhadap mana-mana anggota kesihatan yang tidak mematuhi arahan mengenai perkara ini.

Beliau menceritakan bagaimana seorang doktor muda di sebuah hospital enggan bekerjasama dengan seorang anggota lembaga pelawat yang meminta bantuan untuk menolong seorang pesakit dengan alasan tidak mahu terlibat dalam "politik".

Aduan mengenai perkara ini telah diterimanya dan diserahkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk tindakan sewajarnya.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan supaya semua pengarah hospital memastikan lembaga pelawat masing-masing bergerak aktif dan mengadakan mesyuarat setiap dua bulan sekali.

Pengarah hospital harus bertanggungjawab jika lembaga pelawat gagal berfungsi dan setakat ini kira-kira 30 peratus daripada lebih 120 buah hospital mempunyai lembaga pelawat yang tidak aktif, katanya.

-- BERNAMA

ZU ZB